

Praktis Topikal

Bahagian A Soalan Objektif

1.1 Kestabilan dan Kemakmuran Negara Kita

1 Apakah bentuk sistem pemerintahan yang terdapat di Sarawak?

MS Tekst
5

- I Sistem Ketua Bebas
- II Sistem Kesultanan
- III Sistem Kesukuan
- IV Sistem Kedatuan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2 Berikut ialah kegiatan perlombongan yang dijalankan oleh masyarakat tempatan pada peringkat awal.

MS Tekst
6

- Bijih timah
- Emas

Apakah kaedah yang telah digunakan bagi melombong hasil galian di atas?

- I Melampan
- II Mendulang
- III Kapal korek
- IV Lombong dedah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan sistem timbangan di negeri-negeri Melayu.

MS Tekst
7

12 saga = 1 mayam
16 mayam = 1 bungkal
12 bungkal = 1 kati

Sistem timbangan tersebut digunakan untuk menyukat

- I bunga cengkih
- II buah pala
- III perak
- IV emas
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

4 Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan pendidikan tidak formal di Sarawak.

MS Tekst
8

Pendidikan ini disampaikan melalui cerita lisan

Sekiranya anda ialah seorang kanak-kanak pada masa tersebut, apakah yang mungkin anda pelajari?

- A Pantang larang
- B Nasihat kehidupan
- C Koleksi peribahasa
- D Kepercayaan turun temurun

5 Berikut adalah tentang pendidikan formal masyarakat Melayu.

MS Tekst
9

- Mempunyai sukatan pelajaran
- Dilaksanakan dalam kelas

Apakah bentuk pembelajaran tersebut?

- A Istana
- B Pondok
- C Madrasah
- D Masjid dan surau

1.2 Faktor Kedatangan Kuasa Barat ke Negara Kita

6 Senarai berikut berkaitan penubuhan syarikat-syarikat kuasa Barat.

MS Tekst
10

- Syarikat Hindia Timur Inggeris 1600
- Syarikat Hindia Timur Belanda 1602
- Syarikat Hindia Timur Perancis 1664

Apakah implikasi penubuhan syarikat-syarikat tersebut ke atas Tanah Melayu?

- A Masyarakat majmuk
- B Eksploitasi ekonomi
- C Perkembangan wilayah
- D Pemodenan pentadbiran

7 Maklumat berikut berkaitan dengan tujuan kedatangan kuasa Barat ke negara kita.

MS Tekst
11

- Rempah-ratus
- Bijih timah
- Perak